

# MAJLIS MESYUARAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025

PERINTAH HARIAN  
KHAMIS, 20 MAC 2025

PH14/01/2025

9:30 PAGI

1

### 1. MEMBACA DOA

### 2. PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- i. **[PL98] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perkembangan terkini mengenai kadar penghunian tapak industri sedia ada dan rancangan untuk membangunkan zon industri baharu di Tutong atau Temburong.
- ii. **[PL95] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat peruntukan khas bagi Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (Yang Dilantik) mewakili daerah-daerah yang bertujuan untuk membantu Kementerian-Kementerian yang berkepentingan dalam mengatasi beberapa perkara yang memerlukan bantuan segera atau pembaikan yang cepat kepada penduduk Kampong atau Mukim, seperti jalan raya berlubang, atap terbang, kerosakan rumah, bantuan asasi dan sebagainya.
- iii. **[PL12] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan langkah MPEC bersama pihak berkepentingan untuk menangani masalah *labour turnover* yang tinggi di sektor swasta yang menyukarkan peniaga mengekalkan dan membangun keupayaan pekerja. Perkara ini adalah isu yang *cross-cutting* yang telah dibangkitkan dalam perbincangan dengan peniaga tempatan, dan perlu ditangani untuk memberi manfaat kepada sektor swasta dan negara secara keseluruhan.

- 
- iv. **[PL109] Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan sama ada pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula dan mempermudah SOP Talian Darussalam 123 bagi mengurangkan masa menunggu, lebih mesra pengguna, tidak membebankan serta memastikan setiap aduan ditangani dengan lebih cekap dan sistematik demi kepentingan/kesejahteraan rakyat.
- v. **[PL92] Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk membina Skim Perumahan Negara luar bandar yang berskala kecil, sebagai contoh 50 hingga 60 buah rumah bagi setiap mukim di luar bandar bagi mengekalkan keberadaan penduduk di Kampong atau Mukim yang semakin berkurangan dan tidak hanya tinggal sebagai nama kampong sahaja.
- vi. **[PL46] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan dasar Kementerian untuk mengkaji semula strategi penganugerahan tender projek mega kepada konsortium luar negara dan bagi memastikan kontraktor-kontraktor tempatan mendapat manfaat. Dalam pemberian kontrak, adakah elemen-elemen seperti latihan kakitangan, subkontrak tempatan, dan perbelanjaan tempatan turut disertakan. Adakah ada pecahan projek mega kepada kontrak kecil/serdana untuk memberi peluang kontraktor tempatan.
- vii. **[PL118] Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewajibkan penggunaan akaun bank sebagai kaedah utama pembayaran pencen tua bagi pemohon baharu mulai tahun 2025, sejajar dengan usaha pendigitalan negara? Adakah Kerajaan bercadang untuk bekerjasama dengan institusi kewangan untuk bertindak sebagai pengedar rasmi pencen bagi memastikan pembayaran yang lebih lancar, selamat dan efisien.
- viii. **[PL105] Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan sama ada Kementerian Pembangunan bercadang untuk melaksanakan sistem penjejakan digital bagi permohonan perumahan awam yang membolehkan pemohon menyemak status, menerima kemas kini, dan mengemas kini maklumat mereka secara dalam talian, bagi menggantikan sistem yang sedia ada bagi meningkatkan ketelusan dan kecekapan.
- ix. **[PL75] Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jika

terdapat perancangan Kementerian bagi mewujudkan aplikasi mudah alih letak kereta pintar berbayar (*Smart Car Parking*) yang perlu diintegrasikan bagi semua kawasan letak kereta di bawah kawalan Kementerian, sebagai langkah ke arah memperkenalkan teknologi yang lebih mudah bagi orang ramai.

- x. **[PL107] Yang Berhormat Awang Lau How Teck** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negara bagi menyokong penyelenggaraan Dewan Kemasyarakatan, yang khusus untuk pembaikan kecil dan besar? Adakah terdapat pelan sokongan kerajaan yang terstruktur bagi memastikan pusat komuniti ini kekal berfungsi dengan baik? Perkara ini juga mengambil kira Penggal 9 - Akta Kawalan Yuran 1984 yang memerlukan kelulusan rasmi untuk pengumpulan dana.
- xi. **[PL82] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan status projek RKN ke-12 khususnya bagi membaikpulih dan menaiktaraf pos-pos kawalan di Negara ini dan bila ia dijangka siap; dan (b) jika terdapat perancangan untuk meroboh atau membaikpulih bangunan pos kawalan yang lama (*abandoned*) di antara pos kawalan Miri dan Sungai Tujoh.
- xii. **[PL134] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan dan kejayaan Key Performance Indicators (KPI) dan strategi tindakan penambahbaikan yang berkesan dan bersistematik dalam merealisasikan Perancangan Strategik Bandaran - Bandar Seri Begawan.
- xiii. **[PL32] Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan (a) langkah selanjutnya Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan (2020-2024) dalam Beijing Declaration sebagai rangka kerja untuk mengurangkan kemiskinan dan mencegah individu daripada jatuh kemiskinan dan (b) sekiranya perlunya penelitian semula untuk kos minima keperluan asas dan penetapan definisi kemiskinan untuk merancang tindakan lanjut. Perkara ini adalah perlu bagi merealisasikan kemiskinan sifar dan mencapai Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi menjelang 2035.

- 
- xiv. **[PL64] Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian meluaskan dan menambah baik perkhidmatan dan program-program sedia ada di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) memandangkan peningkatan bilangan warga emas di negara ini. Ini mengambilkira PKWE memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup warga emas melalui aktiviti yang bermanfaat.
- xv. **[PL18] Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan (a) berapakah bilangan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) dari 2,161 penerima (data KKBS 2023/2024) yang berjaya keluar dari golongan penerima bantuan; (b) apakah langkah strategik Kementerian untuk meningkatkan bilangan golongan berdikari ini; dan (c) adakah perancangan Kementerian untuk merebiu dan memperkesakan tatacara program-program yang sedia ada, terutamanya bagi kategori *“able-body/able to work”*.
- xvi. **[PL44] Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah penduduk dalam kategori yang hanya bergantung sara diri sepenuhnya pada pencen \$250 sebulan, dibawah tahap \$283 (Kos Minima Keperluan Asas) dari keseluruhan statistik yang menerima pencen tua yang berjumlah seramai 46,000 orang. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan bantuan demi menaikkan taraf hidup kategori ini.

---

### **3. RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL KETETAPAN KUMPULANWANG KEMAJUAN**

#### **PERINGKAT JAWATANKUASA**

Perbahasan “Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026”

DAN

Perbahasan “Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam”

- i. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (Tajuk SN01A hingga Tajuk SN09A)
- ii. Kemajuan (Tajuk SP01A)

#### **PERINGKAT PERSIDANGAN**

- i. Bacaan Ketiga bagi Rang Undang-Undang (2025) Perbekalan, 2025/2026
- ii. Bacaan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan yang dikehendaki oleh Bab 4(2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggag 136)

---

#### **4. USUL BIL.3 - USUL SENARAI PERINTAH-PERINTAH YANG TELAH DILULUSKAN DIBAWAH PERKARA 83 (7) DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1959**

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

*“Majlis ini mengusulkan ketetapan menurut Perkara 83(7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam untuk diusulkan di Majlis ini dan adalah masing-masing berkuatkuasa mulai dari tarikh Perintah-Perintah dibuat diluluskan.”*

#### **5. USUL PENANGGUHAN**

Akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

*“Majlis ini membuat keputusan mengikut Peraturan Mesyuarat 35 (1), bahawa Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”*

#### **6. UCAPAN YANG DI-PERTUA**